

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Sukan
Sent: Tuesday, November 13, 2018 12:18 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohamad Zaki bin Ahmad
Subject: Sintok 10'S 2018 Kembalikan Kegemilangan & Nostalgia Sukan Ragbi UUM



13 NOVEMBER 2018 / 05 RABIULAWAL 1440H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

SINTOK 10'S 2018 KEMBALIKAN KEGEMILANGAN & NOSTALGIA SUKAN RAGBI UUM



PSUKAN ONLINE : UUM – Sebanyak 12 pasukan dari sekitar negeri utara tanah air seperti Kedah, Perlis dan Pulau Pinang telah mengambil bahagian dalam Kejohanan Ragbi 10 Sepasukan (SINTOK 10'S) pada 10 November 2018.

Kejohanan ini telah di anjurkan oleh Pusat Sukan UUM dengan kerjasama dan sokongan penajaan dari Pusat Alumni UUM.

Selain itu, kejohanan yang julung-julung kali diadakan ini turut mendapat bantuan dan sokongan dari pihak Kedah Rugby Union (KRU). Di samping itu, SINTOK 10'S 2018 turut disertai oleh pasukan Ex-Gamblers iaitu pasukan ragbi Alumni UUM yang menggamit banyak nostalgia pahit manis semasa bergelar mahasiswa UUM. Pasukan ini turut disertai oleh Saudara Mohd Saizul Hafifi Mohd Nor yang merupakan jurulatih pasukan ragbi 7 sepasukan Malaysia yang berjaya memenangi pingat emas pada kejohanan Sukan SEA 2017 yang lalu.

Pada kejohanan ini, pasukan PSNK United yang terdiri daripada gabungan para pemain kebangsaan yang menyertai Sukan Asia 2018 dan Sukan SEA 2017 telah memenangi kategori Cup setelah mengalahkan pasukan Jitra Old Boys Junior pada perlawanan dengan jaringan mata sebanyak 38-0. Manakala bagi kategori Plate, pasukan Blues Onfaiya telah mengalahkan pasukan KOJ dengan jaringan 7-0. Sementara itu, pasukan KOVLA pula mengungguli kategori Bowl apabila berjaya menewaskan pasukan OSCAR dengan jaringan mata 12-0.

Maklumbalas yang diterima daripada para pemain dan pihak pengurusan yang bertanding adalah sangat positif dan mereka berharap agar UUM dapat meneruskan kejohanan ini pada tahun hadapan. Sementara itu, majlis penyampaian hadiah untuk kategori Cup telah di sempurnakan oleh Encik Syamsul Anuar Bin Che Mey @ Ismail, Pengarah Pusat Alumni UUM selaku penaja utama Kejohanan SINTOK 10'S 2018. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ybrs. Dr. Mohammad Zaki Ahmad, Pengarah Pusat Sukan UUM.

Adalah diharapkan agar kejohanan SINTOK 10'S 2018 ini akan menjadi satu pemangkin kegemilangan sukan ragbi di UUM pada masa akan datang.

=====

DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.